



# KENYATAAN MEDIA

---

## LAWATAN KE KLIA2 TINJAU PELAKSANAAN OPERASI KAWALAN PERDAGANGAN HIDUPAN LIAR

---

Saya telah melawat Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) Terminal 2 untuk meninjau aktiviti penguatkuasaan perdagangan hidupan liar pada 7 Mac 2025.

Saya dibawa untuk melihat simulasi operasi pengesanan hidupan liar oleh anjing pengesan Jabatan PERHILITAN dan mendengar taklimat daripada Malaysia Airports Holdings Berhad (MAHB) mengenai sistem saringan bagasi di KLIA Terminal 2. Lawatan meliputi Bilik Sistem Saringan Bagasi AVSEC, kawasan Mul Bagasi serta kawasan Mesin Pengimbas OOG, Balai Pelepasan, KLIA Terminal 2.

Lawatan ini turut disertai oleh Ketua Setiausaha Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES), Dato' Dr. Ching Thoo a/l Kim, Timbalan Ketua Setiausaha (Sumber Asli), Puan Norsham Abdul Latip, Ketua Pengarah Jabatan PERHILITAN, Dato' Abdul Kadir Abu Hashim dan wakil daripada MAHB, Wildlife Crime Bureau (WCB), Polis Diraja Malaysia (PDRM), Agensi Kawalan dan Perlindungan Sempadan (AKPS) dan Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS).

Malaysia dijadikan sebagai negara transit bagi penyeludupan hidupan liar yang bernilai tinggi seperti gading gajah, tanduk badak sumbu, dan reptilia eksotik. Mengikut data rampasan hidupan liar oleh pihak berkuasa India bagi penerbangan dari KLIA1 dan KLIA2 merekodkan 8 kes pada tahun 2023 dan 12 kes pada tahun 2024.

NRES melalui Jabatan PERHILITAN mengambil langkah proaktif bagi membanteras perdagangan hidupan liar. Antara usaha-usaha yang dijalankan untuk mengurus dan melindungi hidupan liar di negara ini termasuk:

- Merancang, menyelaraskan dan memantau pengurusan penguatkuasaan di pintu masuk KLIA bagi memastikan pemeriksaan, pengawalan aktiviti import, eksport dan re-eksport mematuhi peraturan dan syarat yang berkuatkuasa;
- Menjalankan aktiviti pemeriksaan rutin konsaimen dan operasi penguatkuasaan hidupan liar di Zon Perdagangan Bebas, Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (LTA KL) bagi memastikan semua urusan import/eksport/eksport semula konsaimen hidupan liar mematuhi peruntukan Akta 716 dan Akta 686;

- Menjalankan pengurusan konsainmen hidupan liar yang ditahan di LTA KL kerana melanggar peruntukan Akta 716 atau Akta 686 bagi tujuan siasatan, pendakwaan dan pelupusan mahkamah; Menjalankan pelepasan dagangan berkaitan hidupan liar dalam Sistem MyOGA;
- Merekod dan mengemaskini data pelepasan konsaimen, data pengesahan permit CITES dan Non-CITES;
- Menjalankan aktiviti pemeriksaan dan operasi penguatkuasaan hidupan liar ke atas bagasi dan barangan penumpang yang keluar masuk melalui pintu pelepasan atau ketibaan antarabangsa dan domestik KLIA Terminal 1 serta KLIA Terminal 2 bagi mematuhi peruntukan Akta 716 dan Akta 686;
- Menjalankan pengurusan bagasi dan barangan hidupan liar yang ditahan di LTA KL kerana melanggar peruntukan Akta 716 atau Akta 686 bagi tujuan siasatan, pendakwaan dan pelupusan mahkamah; dan
- Merekod dan mengemaskini data pemeriksaan dan penguatkuasaan di terminal.

Jabatan PERHILITAN Semenanjung Malaysia juga mempunyai unit K9, dan markas terletak di Ibu Pejabat Jabatan PERHILITAN Semenanjung Malaysia, Cheras, Kuala Lumpur dan turut dikerah tugas ke seluruh Semenanjung jika diperlukan. Usaha berterusan yang dilaksanakan turut merangkumi penguatkuasaan secara kolaborasi bersama pelbagai agensi seperti PDRM, Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM), Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) dan lain-lain dalam Operasi Bersepadu Khazanah (OBK).

OBK yang bermula pada September 2019, masih diteruskan sehingga kini dengan penjadualan operasi di kawasan hotspot jenayah hidupan liar termasuk pintu-pintu sempadan negara seperti KLIA dan lain-lain pintu sempadan darat, udara dan pelabuhan.

KLIA merupakan antara pintu masuk utama negara yang berisiko tinggi terhadap aktiviti penyeludupan hidupan liar. Oleh itu, peranan dan kerjasama agensi penguatkuasaan dan pihak MAHB amat diperlukan dalam memastikan aktiviti ini dapat dibanteras dengan berkesan.

**NIK NAZMI NIK AHMAD**  
**MENTERI SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM**  
**11 MAC 2025**